

07 JUN 1999

Mahathir-pilihan raya

PILIHAN RAYA AKAN DATANG YANG TERKOTOR SEKALI, DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Pilihan raya yang akan datang ini akan menjadi yang terkotor dalam sejarah berdasarkan daripada apa yang dilakukan parti lawan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya parti lawan akan menggunakan bermacam-macam ugutan serta hasutan dan mereka akan dibantu oleh dalang-dalang dari luar negeri dengan media mereka.

Perdana Menteri berkata pilihan raya ini akan menjadi lebih kotor kerana parti lawan menghalalkan perkataan yang kesat, jijik, kotor dan mencarut dan mereka sudahpun memulakan cara-cara buruk ini dalam ceramah-ceramah mereka.

Tanda-tanda dapat dilihat daripada apa yang dilakukan parti lawan, kata Perdana Menteri pada persidangan akhbar selepas merasmikan perhimpunan agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di sini.

"Penyokong parti lawan terdiri daripada orang yang telah melakukan rusuhan pada tahun lepas dan saya yakin mereka tentu akan menggunakan cara kekerasan untuk mencapai matlamat mereka," kata beliau.

Sehubungan itu Dr Mahathir memberi jaminan bahawa Barisan Nasional tidak akan melakukan perkara yang sama. "Saya bagi jaminan kita tidak akan main kotor, BN tidak akan main kotor."

Dr Mahathir berkata BN tidak akan meminta pertolongan orang asing kerana ia percaya rakyat negara ini, yang berbangga dengan kebebasan mereka, akan memilih parti yang bebas daripada didalangi oleh kuasa asing.

Katanya: "tempoh berkempen tidak perlu terlalu lama kerana kita pernah mengalami pada 1969, kempen yang panjang ketika itu membuatkan ketegangan berlaku dan akhirnya tercetus rusuhan kaum."

"Kita akan cuba menjaga keamanan dalam negara tapi sekarang ini, menjaga keamanan dalam negara menjadi masalah, kerana pihak media asing ... TV mereka akan mengikuti polis, kalau polis dipukul oleh penunjuk perasaan, mereka tidak akan tunjuk.

"Sebaliknya, kalau polis cuba sedikit kekerasan untuk mententeramkan keadaan, mereka akan mengambil gambar ini dan akan menunjukkannya di seluruh dunia dengan tujuan supaya imej kita menjadi buruk," kata Dr Mahathir.

Katanya sudah ada media asing yang selalu mendokong parti lawan kerana "saya disebut sebagai diktator yang telah memukul Datuk Seri Anwar (Ibrahim, bekas timbalan perdana menteri) dan membuat tuduhan palsu terhadapnya."

Perdana Menteri berkata: "mereka menggunakan media asing untuk menyerang kita. Cuba anda baca, adakah media asing mempunyai perkara baik untuk diperkatakan mengenai kita?"

"Media asing menuduh saya menjadi diktator yang membekalkan beratus-ratus juta dollar kepada Nelson Mandela untuk ANC dalam pilihan raya umum di Afrika Selatan," katanya.

Beliau berkata: "media asing bekerja untuk pembangkang dan jika media tempatan mahu menyokong pembangkang, kita tidak boleh menghalang, sesetengahnya merupakan akhbar yang tidak mempunyai permit, dan tiada apa yang lebih kotor selain daripada mesej-mesej melalui internet daripada pembangkang."

"Tiada sebab kenapa pembangkang mendakwa kerajaan BN itu kotor, mereka sendiri kotor," katanya.

Kepada satu soalan sama ada hanya Melayu yang layak menjadi Perdana

Menteri di negara ini, Dr Mahathir berkata: "Tiada peruntukan sedemikian dalam perlembagaan. Saya hanya mematuhi perlembagaan."

-- BERNAMA

GM RON